

PM: Kerjasama jamin kemajuan

KOTA KINABALU 12 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerjasama yang erat antara kerajaan negeri dan kerajaan Pusat amat penting dalam menjamin kemajuan dan pembangunan sesebuah negeri.

Tanpa kerjasama yang erat, kata Dr. Mahathir, sukar bagi sesebuah kerajaan negeri untuk membangun dan memajukan negeri yang mereka tadbir.

Dr. Mahathir berkata, sejarah menunjukkan, ekoran sikap kerajaan negeri yang lalu, Parti Bersatu Sabah (PBS) bersengketa dengan Kerajaan Pusat, Sabah ketinggalan dari segi pembangunan, ekonomi dan pelaburan.

Menurut beliau, ini

amat jauh berbeza dengan Sarawak yang mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Pusat, dan ketinggalan suatu masa dulu, kini sudah jauh maju dan membangun berbanding Sabah.

Perdana Menteri menyatakan demikian semasa berucap merasmikan perhimpunan agung yang ke-3, Parti Liberal Demokratik (LDP) di dewan Sekolah Menengah Kian Kok di sini hari ini.

Beliau menambah, Sarawak juga termasuk dalam Kepulauan Borneo tetapi ekonominya tidak menurun begitu juga dengan kemasukan para pelabur berbanding Sabah.

Katanya, Sabah sebelum ini maju tetapi kerana sikap berkonfrontasi dengan Kerajaan Pusat menyebabkan negeri ini ketinggalan dari pelbagai aspek.

Selain itu, katanya, sikap berkonfrontasi itu hanya akan merugikan rakyat Sabah sahaja tetapi menguntungkan segelintir pemimpin.

Dr. Mahathir mahu hubungan yang lebih erat dibentuk bukan sahaja di kalangan para pemimpin, tetapi juga rakyat Sabah dengan rakyat negeri-negeri lain.

Menghadapi

Beliau memberi contoh, sebelum ini bandar Kota Kinabalu menghadapi masalah lampu jalan yang tidak berfungsi, tetapi sejak BN memerintah, bandar ini tidak lagi mengalami kegelapan.

Perdana Menteri mengakui yang Sabah menghadapi masalah kekurangan bekalan elektrik.

Oleh kerana itu, katanya, pelbagai strategi te-

lah dibuat untuk menambah bekalan elektrik di negeri ini.

Beliau memberi jaminan yang kerajaan BN akan memastikan setiap kawasan di negeri ini menikmati kemudahan bekalan elektrik.

Dalam ucapannya juga, Perdana Menteri berkata, BN akan berusaha bersungguh-sungguh supaya semua kaum akan dapat menikmati pembangunan di negeri ini, selepas diberi peluang memerintah sekali lagi oleh rakyat.

Bagaimanapun, katanya, pembangunan yang hendak dirancang oleh kerajaan akan mengambil masa, memandangkan kerajaan terpaksa memperbetulkan semula penadbiran ekoran banyak penyelewengan yang dilakukan oleh kerajaan negeri yang lalu, khususnya

yang berhubung dengan pembalakan.

Dalam ucapannya juga, Dr. Mahathir berkata, kerajaan mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh masyarakat Cina dalam memantapkan pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berharap, melalui usaha yang dirintis oleh parti-parti Cina dalam BN Sabah, masyarakat Cina yang tidak me-

nyokong BN pada pilihanraya negeri lalu akan memberi sokongan padu kepada BN semasa pilihanraya umum nanti.

Perdana Menteri berharap, BN akan dapat memenangi semua 20 kerusi Parlimen yang dipertandingkan di dalam pilihanraya umum Sabah akan datang.

Beliau memberitahu, pendekatan dan konsep

yang diamalkan oleh BN telah menarik minat negara-negara luar untuk mempelajarinya.

Ini kerana, katanya, negara-negara berkenaan menghadapi masalah dengan masyarakat majmuk di negara mereka, berbanding Malaysia, walaupun mempunyai pelbagai kaum tetapi hidup aman dan damai.